



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 May 2015

PANDIKAR AMIN MULIA BERI PENJELASAN

um-20/5/2015

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia semalam dengan rasa rendah diri mahu mengakhiri perselisihan faham dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu peletakan jawatannya.

Pandikar Amin berkata, beliau amat menghormati Dr. Mahathir dan menganggapnya sebagai bapa dan tidak akan membuat sesuatu yang bakal mengaibkan negarawan itu.

Dalam sidang akhbar yang diadakan di Kediaman Rasmi Yang Dipertua Dewan Rakyat, Pandikar Amin berkata, dalam hal peletakan jawatannya, beliau dan Dr. Mahathir, masing-masing tidak berbohong.

Berikut adalah kenyataan penuh Pandikar Amin:

Terlebih dahulu saya memohon maaf kepada Tun Dr. Mahathir Mohammad sekiranya kenyataan saya ini menguris hati beliau. Sejajarnya saya tidak berniat untuk mengaibkan beliau.

Sebagai respons kepada Dr. Mahathir dalam satu majlis pelancaran buku beliau semalam, bahawa saya telah memalukan beliau berikutan kenyataan saya menafikan penguaman peletakan jawatan saya sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Bagi saya kenyataan Dr. Mahathir sebenarnya telah memalukan diri beliau sendiri kerana beliau telah melanggar etika kerahsiaan antara individu yang berbincang mengenai perkara-perkara yang dianggap tidak patut dan tidak akan dizahirkan kepada orang lain.

Adalah benar bahawa saya ada berjumpa dengan Dr. Mahathir di pejabatnya di Yayasan Al-Bukhary pada pagi Jumaat tanggal 13 Mac 2015, dalam pertemuan itu, kami telah berbincang mengenai banyak perkara termasuklah mengenai keadaan politik semasa di Semenanjung Malaysia dan keadaan semasa politik di Sabah.

Saya juga akui bahawa saya telah mencurahkan isi hati saya kepada beliau mengenai tugas dan tanggungjawab saya sebagai Speaker dan saya telah nyatakan kepada beliau bahawa saya berniat untuk meletakkan jawatan ketika itu.

Saya memaklumkan ketika itu bahawa saya tidak akan mengengerusikan sesi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke-13 yang berlangsung pada 11 Mac hingga 9 April 2015 dan saya nyatakan tugas saya akan diambil alih oleh kedua-dua timbalan saya.

Dan sepertimana sedia maklum, yang setiap hari ketika itu, kamu tidak ada nampak saya dalam mengengerusikan Parlimen, bermakna dalam hal ini saya tidak berbohong,



MAHATHIR MOHAMAD

Adalah benar bahawa saya ada berjumpa dengan Dr. Mahathir di pejabatnya di Yayasan Al-Bukhary pada pagi Jumaat tanggal 13 Mac 2015, dalam pertemuan itu, kami telah berbincang mengenai banyak perkara termasuklah mengenai keadaan politik semasa di Semenanjung Malaysia dan keadaan semasa politik di Sabah."

PANDIKAR AMIN MULIA
Yang Dipertua Dewan Rakyat



PANDIKAR AMIN MULIA

saya curahkan kepada Dr. Mahathir.

Mungkin atas kehairahan Dr. Mahathir sendiri untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri, beliau bukannya menasihati saya sebagai seorang bapa atau negarawan, supaya segala masalah ketika itu dapat kami rungkai dan diatasi kerana itu tugas saya sebagai seorang Speaker. Sebaliknya beliau pula bertindak menyarankan atau mengatakan kepada saya supaya meletakkan jawatan dengan kadar segera dalam perjumpaan tersebut. Pertemuan tersebut terjadi pada dalam bulan Mac iaitu pada 13 Mac.

Pada hari Khamis 19 Mac 2015, saya telah bertemu dengan Perdana Menteri di pejabat Parlimen. Dalam pertemuan itu seperti biasa kami telah berbincang mengenai soal politik negara dan khasnya soal hal ehwal Parlimen dan pada ketika itu saya menyatakan hasrat saya untuk meletakkan jawatan dan menyerahkan satu surat bertarikh pada 18 Mac bahawa saya meletakkan jawatan dengan serta-merta.

Perdana Menteri ketika itu jangan bilang pun dia hendak menerima surat saya, bahkan memegang pun tidak mahu, sebaliknya dia bertanya kepada saya, apa sebenar permasalahan kamu sebagai Speaker Dewan Rakyat, lalu saya memperincikan kepada beliau permasalahan.

Pada masa itu saya membawa satu fail yang agak tebal mengenai surat-surat sepanjang saya bertugas di Parlimen, antara lain yang saya berkata kepada beliau sejak saya bertugas sebagai Speaker, pentadbiran Parlimen tidak memberi kerjasama kepada saya sebagai Speaker.

Atas sebab itu saya kata kalau setiap menteri mempunyai pegawai-pegawai yang mereka pilih sendiri yang boleh bekerjasama dengan mereka, kenapa seorang Speaker tidak boleh memilih seorang pegawai yang juga berkelulusan dan pa-

tut memegang jawatan itu.

Perdana Menteri tidak menerima surat tersebut malah jauh sekali membacanya. Sebaliknya beliau telah bertanya kepada saya sebab-sebab dan punca saya ingin meletakkan jawatan sebagai Speaker.

1) Supaya Ketua Pentadbir Parlimen baharu yang boleh bekerjasama dengan saya sebagai Speaker dilantik.

2) Untuk menghilangkan persepsi rakyat bahawa institusi Parlimen dan Speaker bertugas atas arahan pihak kerajaan sebagai Badan Eksekutif yang bertentangan dengan doktrin pengasingan kuasa, maka jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal Parlimen ditiadakan.

3) Jawatankuasa Pilihan Parlimen baharu perlu diwujudkan dan ditambah daripada lima Jawatankuasa Pilihan yang sedia ada dalam usaha melicinkan lagi proses perbahasan Rang Undang-Undang dan dasar kerajaan yang lain.

4) Untuk mengelakkan tuduhan bahawa Parlimen hanya berfungsi sebagai *rubber stamp*.

5) Mewujudkan sesi khas *Minister Time* untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen mengajukan soalan-soalan kepada menteri-menteri berhubung isu-isu semasa iaitu sesi pertanyaan tanpa notis. Setidak-tidaknya sejam dalam satu hari yang khusus dalam seminggu semasa sesi persidangan.

6) Yang amat penting, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan oleh kerajaan sewaktu pentadbiran Dr. Mahathir pada tahun 1992 hendaklah dihidupkan semula dan diperbaharui selaras dengan kehendak serta keperluan semasa.

7) Bangunan dan infrastruktur serta kemudahan Parlimen Malaysia hendaklah dinaiktaraf setaraf atau sedarjat seperti bangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Perseku-

tuan di Putrajaya (eksekutif) dan Istana Kehakiman (*judiciary*).

Apa yang perlu dijelaskan bahawa sebab keinginan untuk meletakkan jawatan saya sebagai Speaker bukan berpunca daripada masalah perabot atau kelengkapan pejabat Speaker yang tidak sempurna atau perkara-perkara remeh yang lain. Sebaliknya ia adalah atas prinsip memartabatkan institusi Parlimen.

Harapan saya, seandainya apa yang dipersetujui antara saya dengan Perdana Menteri seperti yang diperincikan di atas tidak ditunaikan oleh pihak eksekutif dalam tempoh masa yang munasabah atau sewalawatnya dalam tempoh Penggal Parlimen ke-13 ini, secara peribadi saya tidak teragak-agak untuk meletakkan jawatan sebagai Speaker.

Pada ketika itu, kalau Perdana Menteri tidak menerima atau tidak mengumumkannya. Tidak perlulah pihak lain mengumumkannya bagi pihak saya.

Sebagai penjelasan, saya ingin mengakhiri perselisihan faham antara saya dan Dr. Mahathir yang amat saya hormati dan anggap sebagai bapa. Sekali lagi saya perlu ulangi dan jelaskan bahawa saya tidak akan membuat sesuatu yang mengaibkan Dr. Mahathir.

Hakikatnya beliau yang mengaibkan diri sendiri. Yang jelas, dalam hal ini Dr. Mahathir tidak berbohong dan saya juga tidak berbohong.

Akhirnya saya ingin mengucapkan segala yang terbaik kepada Dr. Mahathir dalam apa jua perjuangan yang beliau lakukan. Saya juga mengucapkan segala yang terbaik kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib untuk meneruskan perjuangannya untuk kesejahteraan rakyat.

Bagi saya, insya-Allah akan terus berjuang untuk menggalas tugas, amanah serta tanggungjawab sebagai Speaker Dewan Rakyat dalam mencorak dan memartabatkan Parlimen Malaysia.